

21 FEB 2000

ERICSSON-PELABURAN/IT

ERICSSON AKAN LABUR RM100 JUTA BAGI MELUASKAN KILANG DI SHAH ALAM

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Ericsson, syarikat telekomunikasi Sweden, merancang untuk membuat pelaburan tambahan sebanyak RM100 juta tahun ini bagi memperbesarkan kilangnya yang terletak di Shah Alam, kata Kurt Hellstrom, presiden Telefonaktiebolaget LM Ericsson hari ini.

Setakat ini, kilang mengeluarkan telefon mudahalih itu, yang juga merupakan kilang yang pertama di Asia Tenggara dan Malaysia telah mengeluarkan lebih daripada empat juta unit telefon, sejak ia mula beroperasi pada tahun 1997.

Ericsson telahpun melabur lebih daripada RM250 juta untuk membina dan mempertingkatkan kilang itu, kata beliau pada persidangan akhbar selepas pembukaan rasmi kilang oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Hellstrom berkata 95 peratus daripada pengeluaran adalah untuk pasaran eksport, sambil menambah, kilang tersebut mengeluarkan 10 peratus daripada jumlah pengeluaran sedunia Ericsson.

Menurut Hellstrom, pelaburan tambahan RM100 juta itu akan membolehkan syarikat memenuhi jumlah jualan telefon mudahalih dunia yang dianggarkan dalam lingkungan 420 juta unit telefon tahun ini berbanding dengan 270 juta unit pada tahun 1999.

Menyentuh mengenai jualan telefon mudahalih di Malaysia, beliau berkata, ia mungkin mencecah kepada empat juta pengguna menjelang akhir tahun ini berbanding dengan 2.5 hingga tiga juta pelanggan pada masa ini.

Dengan peningkatan jualan telefon mudahalih di seluruh dunia, beliau berkata harga telefon telah merosot kepada 15 peratus setahun.

Ericsson mempunyai lebih daripada 1,800 kakitangan di Malaysia.

-- BERNAMA

AD SA AA